



Tingkat keselamatan komputer Linux

BAGAIMANA untuk meningkatkan keselamatan bagi sistem komputer Linux?

- ABDULLAH, Kuchai.

Ketika proses pemasangan sistem Linux ini, beberapa konfigurasi sistem perlu dilakukan dengan baik dan selamat. Seterusnya dibincangkan beberapa langkah yang boleh diambil untuk menguatkan keselamatan sistem komputer berasaskan Linux.

1 Nyah aktifkan kesemua perkhidmatan dan aplikasi yang tidak digunakan. Terdapat banyak aplikasi dan perkhidmatan yang tidak digunakan dilarikan dalam sistem Linux secara lalai.

2 Penggunaan aplikasi Iptables yang sedia ada dalam sistem Linux untuk implementasi sistem tembok api yang baik.

3 Dalam penggunaan sistem tembok api, tetapkan *Deny all* untuk keluar masuk trafik secara lalai.

4 Penggunaan aplikasi IDS (*Intrusion Detection System*) dalam sistem Linux untuk mengurus dengan baik trafik rangkaian dan serangan seperti *Snort*.

5 Pengenkripsian keseluruhan cakera keras yang digunakan. Secara tidak langsung, data yang berada di dalamnya dilindungi dengan proses enkripsi ini.

6 Sentiasa buat semakan terhadap sistem log dalam sistem Linux kerana ia akan memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah berlaku di dalam sistem.

7 Konfigurasikan *Port Knocking* untuk sambungan secara selamat dengan sistem komputer pelayan.

8 Sistem Linux tiada banyak masalah dengan kelemahan atau vulnerability tetapi aplikasi yang digunakan mungkin terdedah dengan banyak kelemahan keselamatan ini.

Jadi, boleh melanggan *Vulnerability Alert Services* dengan mana-mana pihak ketiga seperti SecurityFocus dan lain-lain.

9 Bagi penggunaan sistem Linux yang lebih selamat, dicadangkan penggunaan sistem Linux yang berasaskan kepada sistem SELinux.

SEMBANG
ICT



Bersama Firkhan
sembangict@yahoo.com